

Rakyat Malaysia, India paling banyak melancong ke Thailand tahun ini

7 November 2022, 9:27 pm

Kerajaan Thailand berterima kasih kepada pelancong dari Malaysia dan India kerana kemasukan mereka ke negara ini menyaksikan Thailand semakin hampir melepasi sasaran kemasukan 10 juta pelancong menjelang hujung tahun ini.

Thailand menerima lebih sejuta pelancong dari Malaysia dan hampir 600,000 dari India sepanjang tahun ini.

Sebelum pandemik Covid-19, pelancong China merupakan ketibaan asing paling tinggi di negara ini, namun keadaan itu berubah selepas Beijing melaksanakan polisi sifar Covid-19.

Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand (TAT) baru-baru ini mendedahkan seramai 7.56 juta pelancong tiba di negara ini antara 1 Januari sehingga 26 Oktober tahun ini.

TAT menasarkankan kemasukan 10 juta pelancong asing menjelang hujung tahun ini.

Jurucakap kerajaan, Anucha Burapachaisri menyatakan, Thailand dijangka menyambut ketibaan 1.5 juta pelancong asing pada November dan Disember ini, dengan kebanyakannya dari Malaysia dan India.

Lebih seorang daripada tujuh pelancong yang tiba di Thailand adalah dari Malaysia.

Menurut Anucha, penerbangan dari India dan Malaysia ke Thailand pada November serta Disember sudah melebihi 80 peratus ditempah.

Namun, jumlah sasaran kemasukan pelancong itu jauh lebih rendah berbanding tempoh sama direkodkan semasa sebelum pandemik.

Pada 2019, Thailand menerima kemasukan lebih 40 juta pelancong asing.